



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI PERPADUAN NEGARA KE SIBU, SARAWAK PADA 16 HINGGA 17 SEPTEMBER, 2020

SIBU, 17 September 2020 – YB Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan kerja ke Sibu, Sarawak pada 16 September hingga 17 September 2020.

2. Pada lawatan turun padang ini, YB Menteri Perpaduan Negara telah **meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja baik pulih dan naik taraf premis serta perolehan peralatan dan perabot untuk lima (5) buah kelas Tabika Perpaduan dan satu (1) Pusat Rukun Tetangga (PRT)** di Sibu Jaya dan Taman Soon Hup.

3. Di negeri Sarawak terdapat sebanyak 1,049 unit KRT, 172 Tabika Perpaduan dan 4 Taska Genius Perpaduan di 40 buah daerah manakala di Sibu terdapat 52 KRT dan 13 Tabika Perpaduan.

4. Pada 16 September, YB Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan video muzik lagu “Saya Anak Malaysia” yang diberi nafas baru serta pertandingan fotografi dan video bertemakan yang turut bertemakan “Saya Anak Malaysia” dan “Malaysia Prihatin” di Dewan Lakis, Sibu sebelum menghadiri Sambutan Hari Malaysia 2020 di Stadium Tertutup Sibu.

Kementerian Perpaduan Negara

17 September 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (27)